



BACA AL-QURAN... Sebahagian peserta yang mengambil bahagian dalam Kempen Malaysia QuranHour

UMS turut jayakan Malaysia QuranHour

NST 21.6.2017 6

KOTA KINABALU: Kakitangan dan pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) turut menjayakan kempen Malaysia QuranHour, bacaan al-Quran selama sejam bermula jam 12 tengahari serentak di seluruh Malaysia pada Isnin.

Menurut Pengarah Pusat Islam UMS (PIUMS), Prof. Madya Dr. Muhammad Suhaimi Taat, program tersebut turut diadakan di Pusat Islam seluruh Universiti Awam, dan di UMS pihak PIUMS menganjurkan program itu bersama-sama dengan Majlis Tadarus dan Khatam al-Quran Perdana.

“Majlis pada hari ini adalah kemuncak kepada program Tadarus al-Quran yang telah dimulakan sejak 27 Mei (1 Ramadan) lalu, dan kita mengambil peluang untuk turut serta dalam kempen Malaysia QuranHour bagi meraikan dan meramaikan penyertaan program pembacaan al-Quran khususnya pada bulan Ramadan,” katanya.

Majlis dimulakan dengan sesi ceramah bertajuk “Meraih Syafaat al-Quran,” yang disampaikan Penolong Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Cawangan Sabah, Ustaz Al-Amin Majok,

dan diikuti dengan sesi Tadarus al-Quran secara berkumpulan, sebelum acara khatam al-Quran yang dipimpin Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan UMS, Ustaz Md Razali Saibin sebagai tanda bermulanya program Malaysia QuranHour.

Program di Masjid UMS itu berjaya menghimpunkan lebih 200 peserta terdiri daripada kakitangan dan pelajar UMS, serta masyarakat luar antaranya pelajar dari Sekolah Rendah Islam Al-Hafidz, Bandar Sierra dan wakil dari Hidayah Centre Kota Kinabalu, sebuah pusat sokongan bagi golongan saudara baru.